

15 AUG 2002

Mahathir-Terengganu

DR MAHATHIR LAWAT TERENGGANU ESOK

KUALA TERENGGANU, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Terengganu esok dengan aturcara bermula dengan perasmian Konvensyen Barisan Nasional (BN) Terengganu.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dijadual tiba di lapangan terbang Sultan Mahmud di sini pada pukul 8.45 pagi.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Ismail Said berkata Perdana Menteri kemudian akan bertolak ke Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang bagi merasmikan konvensyen itu.

Selepas itu, Dr Mahathir akan berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di tempat yang sama.

Perdana Menteri kemudian akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin BN negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat di sebuah hotel di sini sebelum menunaikan fardu Jumaat di Masjid Losong.

Ismail berkata pada pukul 2.45 petang, Dr Mahathir dijadual bertolak ke Kampung Tok Jembal, Seberang Takir di sini bagi majlis penyerahan kunci dan surat tawaran projek rumah keluarga nelayan.

Dr Mahathir dan isteri dijangka pulang ke Kuala Lumpur selepas selesai majlis itu, katanya.

-- BERNAMA

TAJ MRA MOZ